


INFO RINGKAS


Graviti Bumi

- 1 Semua objek di sekeliling kita ditarik ke arah pusat Bumi oleh daya tarikan graviti Bumi.
- 2 Semua objek di Bumi dapat kekal pada kedudukannya dan tidak terapung di udara kerana adanya daya tarikan graviti Bumi.



Putaran dan Peredaran Bumi

- 1 Bumi berputar pada paksinya dan pada masa yang sama beredar mengikut orbitnya mengelilingi Matahari.
- 2 Bumi berputar pada paksinya dari arah Barat ke Timur. Satu putaran lengkap mengambil masa 24 jam atau 1 hari.
- 3 Bumi beredar mengelilingi Matahari pada orbitnya mengikut arah lawan jam. Satu peredaran lengkap mengambil masa 1 tahun atau $365 \frac{1}{4}$ hari.
- 4 Putaran Bumi pada paksinya menyebabkan berlakunya beberapa kejadian:
 - (a) kejadian siang dan malam
 - (b) kedudukan Matahari kelihatan seperti berubah-ubah
 - (c) perubahan panjang dan arah bayang-bayang



<p>Kejadian siang dan malam</p>	<p>Kedudukan Matahari kelihatan seperti berubah-ubah</p> <p>Perubahan panjang dan arah bayang-bayang</p>
---------------------------------	--